

06/06/2002

Melayu jangan harapkan bantuan kerajaan saja

WALAUPUN pelbagai institusi dan skim bantuan diadakan bagi membantu pelajar Bumiputera melanjutkan pendidikan ke peringkat tinggi, masalah pembiayaan masih tidak selesai. Masalah ini telah memaksa ramai pelajar Melayu terpaksa menolak tawaran melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) kerana tidak mampu menampung pembiayaan. Akibatnya 30 IPTS milik Bumiputera dikatakan mungkin terpaksa gulung tikar kerana kekurangan pelajar. Bantuan kerajaan yang ada sekarang untuk pelajar IPT diberi menerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Tetapi bantuan yang diberikan PTPTN dikatakan tidak memadai kerana pembiayaan yang diperlukan berjumlah lebih dari yang diberikan. Itu pun bukan semua yang mendapat tempat berjaya menerima bantuan PTPTN. Ekoran hal demikian ada yang merayu agar kerajaan menampung kehendak mereka itu. Mengulas rayuan ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad berkata kerajaan tidak berupaya menambah pinjaman serta memenuhi 100 peratus kos pembelajaran mereka. Peruntukan yang ada membolehkan 20,000 pelajar IPTS menikmati pinjaman mudah terutama daripada PTPTN. Keseluruhannya bagi tahun ini saja perbadanan itu memperuntukkan RMI bilion bagi membantu 125,000 pelajar Bumiputera.

Keadaan sekarang sepatutnya sudah menginsafi ibu bapa Melayu untuk berkorban demi kepentingan pembelajaran anak mereka. Sudah tiba masanya ibu bapa Melayu tidak lagi bergantung sepenuhnya dengan kerajaan untuk membantu anak melanjutkan pelajaran ke IPT. Mereka seperti kaum lain juga perlu berusaha mengeluarkan wang sendiri atau mencari sumber lain untuk membiayai pelajaran anak. Orang Melayu juga perlu membuat perancangan awal bagi memastikan anak mereka tidak menghadapi masalah pembiayaan pendidikan. Keluarga Cina sudah lama berusaha bertungkus-lumus mencari sumber kewangan demi menaja pendidikan anak mereka hingga membolehkan sesetengahnya menuntut di luar negara tanpa mengharapkan bantuan kerajaan.

Mereka bersedia berkorban demikian kerana berpendirian bahawa sebaik-baik peninggalan kepada anak bukanlah harta benda tetapi ilmu dan pendidikan yang sempurna. Sikap ini patut dicontohi masyarakat Melayu. Sebagai permulaan setiap keluarga Melayu harus ada tabungan khas pendidikan apatah lagi hari ini ia menjadi semakin mudah dengan pelbagai institusi kewangan menyediakan skim tabungan pendidikan baik berbentuk konvensional mahupun takaful iaitu berlandaskan lunas Islam. Ibu bapa yang menyertai skim berkenaan tidak perlu mengetepikan wang yang banyak setiap bulan, tetapi cara berjimat-cermat seperti ini lebih terjamin terutama bagi mereka yang bekerja makan gaji. Malah adalah lebih baik lagi tabungan itu dimulakan sejak anak mereka masih kecil kerana premiumnya yang rendah. Apabila anak peserta mencapai usia 18 tahun dan layak ke IPT, pembiayaan diperlukan sudah pun tersedia.

Kita harus sedar, jumlah penduduk Melayu semakin bertambah begitu jugalah bilangan pelajar. Kerajaan tidak mungkin dapat menyediakan peruntukan pembiayaan pendidikan secukupnya sepanjang masa. Apa yang agak mengecewakan adalah hakikat walaupun selepas lebih 40 tahun mencapai kemerdekaan, orang Melayu masih belum mampu berdikari dalam hal ini. Golongan daif dan pelajar dari luar bandar masih boleh terus mendapat bantuan kerajaan untuk meneruskan pelajaran ke IPT memandangkan kedudukan mereka. Tetapi golongan kelas pertengahan Melayu yang kian meningkat terutama di bandar dan mereka yang berada, harus telah boleh memikul sendiri tanggungjawab itu. Sikap terus bergantung kepada ihsan kerajaan

saja sepatutnya sudah lama dikikis. Mungkin juga sebagai langkah sementara persatuan pelajar dan pertubuhan bantu diri mengkaji semula kegiatan dan keutamaan mereka sambil menggembelng tenaga dan sumber bagi membantu penuntut Melayu yang kesempitan itu. Dalam pada itu, IPTS milik Bumiputera yang sudah pun disarankan bergabung harus berbuat demikian supaya boleh terus bernafas bagi memenuhi keperluan dan menghadapi saingan.

(END)